

CNS0171

U PB 06-11 00161 XA095

AAB DEM

Mahathir - Kabinet

TPM BARU MUNGKIN DILANTIK SEBELUM JANUARI

J

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau mungkin melantik timbalannya sebelum bulan Januari.

"Sabarlah... berikan saya masa (untuk membuat pengumuman)," katanya kepada pemberita di akhir Perhimpunan Agung UMNO di sini mengenai bila beliau akan melantik pengganti Encik Ghafar Baba.

Ketika ditanya sama ada perlantikan itu akan dibuat sebelum mesyuarat pertama Majlis Tertinggi yang baru pada bulan Januari, beliau berkata: "Kemungkinan begitulah".

Mengikuti tradisi, Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menang tanpa bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO pasti akan menjadi Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Semasa ditanya sama ada beliau akan mengekalkan tradisi itu, Dr Mahathir menoleh kepada Anwar yang duduk di sebelahnya dan berkata: "Jika mahu, saya tidak perlu mengikut kehendak parti".

"Tetapi, sudah pasti saya akan teruskan tradisi parti". -- Lagi.

AZZ OA KAM.

▼06/11/19-32MST

CNS0176

U PB 06-11 00148 XA096

AAB

Mahathir - Kabinet 2 Kuala Lumpur

Ketika ditanya sama ada rombakan Kabinet akan dilakukan berikutan pemilihan UMNO itu, Dr Mahathir berkata, beliau belum lagi memikirkan soal itu.

Katanya, selain jawatan Timbalan Perdana Menteri, hanya terdapat satu lagi kekosongan (Menteri Pembangunan Luar Bandar yang sebelum ini disandang Ghafar).

Beliau juga berkata, tidak ada perletakan jawatan selepas pemilihan itu yang menyaksikan kegagalan Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid mempertahankan jawatan naib presiden parti.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata, kedua-dua menteri itu menunjukkan sikap yang positif semasa berucap pada perhimpunan hari ini dan beliau yakin mereka akan terus menyokong parti.

Katanya, suasana kali ini tidak seperti pemilihan pada 1987 yang menyaksikan perpecahan sehingga membawa kepada pengharaman parti.

"Ketika itu pertandingan terlalu sengit," katanya. -- Lagi.

AZZ OA KAM.

▼06/11/19-42MST

CNS0179

U PB 06-11 00100 XA097

AAB

Mahathir - Kabinet 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, nama-nama anggota Majlis Tertinggi (MT) yang dilantik akan diumumkan pada mesyuarat pertama majlis itu.

Mengikut perlembagaan parti, presiden boleh melantik 10 anggota tambahan kepada 25 anggota yang dipilih pada perhimpunan agung.

Presiden juga diberi kuasa melantik setiausaha agung, bendahari agung dan ketua penerangan.

Dr Mahathir juga berkata, beliau tidak nampak banyak perubahan dalam barisan MT yang baru.

Hanya terdapat empat muka baru dalam MT dan mereka kesemuanya layak menduduki badan pengubal dasar parti. -- Bernama.

AZZ OA KAM.

▼06/11/19-49MST